

JOURNAL OF INFORMATION
SYSTEM AND TECHNOLOGY
MANAGEMENT (JISTM)www.jistm.com**KAJIAN ANALISIS KEPERLUAN: PEMBANGUNAN LAMAN
WEB KAUNSELING MADANI SEBAGAI 'ONE STOP CENTRE'
PERKHIDMATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING***NEED ANALYSIS: DEVELOPMENT OF MADANI COUNSELING WEBSITE AS
ONE STOP CENTRE IN PSYCHOLOGY AND COUNSELING SERVICES*

Emilia Man^{1*}, Mohammad Aziz Shah Mohamed¹, Ahmad Jazimin Jusoh¹, Noor Asiah Hassan¹,
Mohd Hafiz Mohd Yusof²., Sharin Bakar³, Farah Adiba Ahmad Faridun³, Halimatun Saadiah
Jamhari⁴, Norhisham Hamzah⁵

- ¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim,
Email: emilia.man@moe.gov, aziz.shah@fpm.upsi.edu.my, jazimin@fpm.upsi.edu.my, noorasiyah@unisel.edu.my
- ² Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Email: mohdhafiz.yusof@moe.gov.my
- ³ Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana
Email: shahrin.bakar@moe.gov.my
- ⁴ Pejabat Pendidikan Kuala Langat
Email: halimatun.jamhari@moe.gov.my
- ⁵ Sekolah Kebangsaan Beranang
Email: afraima@gmail.com
- * Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 15.10.2024

Revised date: 11.11.2024

Accepted date: 20.12.2024

Published date: 31.12.2024

To cite this document:

Man, E., Mohamed, M. A. S., Jusoh, A. J., Hassan, N. A., Yusof, M. H. M., Bakar, S., Faridun, F. A. A., Jamhari, H. S., & Hamzah, N. (2024). Kajian Analisis Keperluan: Pembangunan Laman Web Kaunseling Madani

Abstract:

Dalam era digital yang pesat berkembang penggunaan teknologi dalam penyebaran ilmu menjadi semakin penting. Ilmu psikologi dan kaunseling tidak terkecuali kerana ianya merupakan 'platform' ringkas dan mudah dijadikan sebagai rujukan umum dalam menangani pelbagai isu kesejahteraan mental. Kajian analisis keperluan dilaksanakan bertujuan untuk melihat isu dan permasalahan berkaitan kesihatan mental. Isu ini memberi kesan terhadap kepincangan tingkah laku dan kerapuhan emosi dalam kalangan rakyat Malaysia yang membawa kepada perlunya pembangunan laman Web Kaunseling Madani dalam usaha meningkatkan penyebaran ilmu psikologi dan kaunseling dalam kalangan warga pendidikan. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif dan kuantitatif. Kajian kualitatif yang menggunakan persampelan bertujuan melibatkan tiga orang guru dan empat orang murid menggunakan kaedah temu bual separa struktur manakala kajian kuantitatif melibatkan 44 orang guru responden menggunakan 'google form' soal selidik keperluan

Sebagai 'One Stop Centre' Perkhidmatan Psikologi Dan Kaunseling. *Journal of Information System and Technology Management*, 9 (37), 379-390.

DOI: 10.35631/JISTM.937028

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



kajian. Analisis dilaksanakan berdasarkan keperluan guru-guru untuk menggunakan laman web ini sebagai 'one stop centre' dalam mendapatkan bahan rujukan dan melalui keperluan yang diharapkan oleh responden dalam usaha memahami, menyebarkan dan meningkatkan kemahiran kaunseling dalam bentuk interaktif. Namun begitu, kajian ini hanya menekankan kepada fasa analisis sahaja. Kajian kuantitatif mempunyai lima item soal selidik yang dianalisis secara deskriptif melalui skor peratus terdiri daripada lima kriteria iaitu tahap penggunaan, pengetahuan, isi kandungan yang bersesuaian di dalam 'Laman Web' yang diharapkan. Dapatan daripada semua item dalam soal selidik menunjukkan peratus yang tinggi terhadap keperluan pembangunan Laman Web Kaunseling Madani untuk menyebarkan ilmu psikologi dan kaunseling. Hasil kajian keperluan ini adalah penting bagi memastikan pembinaan Laman Web Kaunseling Madani memberi impak dalam menyebarkan ilmu psikologi dan kaunseling dalam dunia alaf baharu. Kesimpulannya, kajian berkaitan isu-isu baharu dengan menggunakan perisian digital perlu ditambahbaik dan diperbanyakkan bagi menarik minat guru, murid dan komuniti mendapatkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling.

Kata Kunci:

Analisis Keperluan, Laman Web Kaunseling, One Stop Centre, Psikologi Dan Kaunseling

Abstract:

In the rapidly evolving digital era, the use of technology in the dissemination of knowledge has become increasingly important. The field of psychology and counseling is no exception as it serves as a simple and easily accessible platform for general reference in addressing various mental well-being issues. A needs analysis study was conducted to examine issues and problems related to mental health. This issue affects behavioral disruptions and emotional fragility among Malaysians, leading to the need for the development of the Madani Counseling Website in an effort to enhance the dissemination of psychological and counseling knowledge among the educational community. This study was conducted qualitatively and quantitatively. The qualitative study, which used purposive sampling, involved three teachers and four students through semi-structured interviews, while the quantitative study involved 44 teacher respondents using a Google Form questionnaire for the research needs. The analysis was conducted based on the teachers' need to use this website as a 'one-stop center' for obtaining reference materials and through the needs expected by the respondents in their efforts to understand, disseminate, and enhance counseling skills in an interactive form. However, this study only emphasizes the analysis phase. The quantitative study has five survey items that are analyzed descriptively through percentage scores consisting of five criteria, namely the level of use, knowledge, and appropriate content within the expected 'Website.' The findings from all items in the survey indicate a high percentage towards the need for the development of the Madani Counseling Website to disseminate psychology and counseling knowledge. The results of this needs assessment are important to ensure that the construction of the Madani Counseling Website has an impact in disseminating psychology and counseling knowledge in the new millennium. In conclusion, research related to new issues using digital software needs to be improved and expanded to attract the interest of teachers, students, and the community in accessing psychological and counseling services.

Keywords:

Needs Analysis, Website Development, Psychology, And Counseling

Pengenalan

Dunia semakin bergerak pantas dalam memperkenalkan perkembangan ilmu dalam kepelbagaian kaedah penyampaian sumber ilmu tersebut. Pengaruh teknologi yang sangat besar dalam aspek kehidupan menjadikannya berperanan penting dalam kehidupan masyarakat kini (Cahya et al., 2021). Peranan teknologi bukan sahaja melibatkan perniagaan tetapi kini memberi impak yang menyeluruh dalam aspek pendidikan. Tuntutan global sekarang ini mengharuskan suatu perkembangan ilmu di sebarakan sejajar dengan keperluan dan kehendak perkembangan teknologi yang akan meningkatkan mutu pendidikan. Ianya tidak hanya melibatkan proses pembelajaran dan pengajaran sahaja sebaliknya proses pengolahan maklumat dan penyampaian ilmu menjadi semakin dinamik. Pengaruh teknologi juga mendorong sektor pendidikan beradaptasi dengan Revolusi 4.0 bagi melakukan pelbagai langkah dan strategi dalam usaha menjadikan pendidikan mampu bersaing diperingkat antarabangsa. Laman Web adalah salah satu penggunaan teknologi yang sering disarankan bagi memperkenalkan sesuatu produk dan menjadi sumber informasi yang diperlukan (Akbar dan Tjendrowaseno, 2015). Antaranya yang semakin digemari seperti perkembangan dalam *Artificial Intellegent (AI)* yang telah mengalami revolusi dalam waktu singkat (Diantama, 2024).

Selain itu, Laman Web juga merupakan aplikasi digital yang di takrifkan sebagai kumpulan halaman yang mampu menampilkan informasi dalam bentuk teks, suara, gambar, animasi atau gabungan dari beberapa bentuk atau semuanya (Nurmi, 2017). Kajian lalu oleh Izzah (2020) telah mendapati Laman Web sekolah boleh dijadikan salah satu wadah yang sangat memudahkan pihak sekolah sepanjang tempoh Pandemik Covid-19 melanda bagi menyampaikan infomasi kepada masyarakat secara efektif dan efisien. Seidel et al., (2020) menjalankan kajian yang bertujuan untuk meninjau beberapa ciri Laman Web yang di gunakan di bandar New York sebagai salah satu medium komunikasi kepada pelajar kolej meningkatkan pengetahuan berkaitan perkhidmatan rawatan kesihatan mental yang ditawarkan dan maklumat psikopendidikan yang berkait dengan isu Covid-19. Sebanyak 138 Laman Web yang telah dianalisis. Secara keseluruhan hanya separuh laman web tersebut menyediakan infomasi bermakna berkaitan kaunseling dan hanya 2/3 daripada hasil tinjauan tersebut iaitu (57.97%) mempunyai bimbingan yang boleh digunakan oleh mereka yang mengalami isu berkaitan kesihatan mental.

Isu Dalam Kajian

Kaunseling dapat difahami sebagai satu proses sistematik yang membantu perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor yang berdaftar mengikut kod etika kaunseling bagi mencapai satu perubahan, kemajuan dan penyesuaian itu akan berterusan sepanjang hayat klien (Akta Kaunselor, 1998). Kajian lepas mengakui kepentingan keperluan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah. Eremic dan Dimkpa (2019) menyatakan masih berlaku miskonsepsi terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Kajian Leong et al. (2011) limitasi mobiliti secara fizikal dan psikologikal yang menekan telah menjadi penghalang kepada pelajar untuk mendapatkan bantuan dan kaunseling. Kajian oleh Glasheen et al. (2009) yang telah dijalankan di Australia juga menunjukkan hampir 49% lelaki muda menolak untuk berdiskusi berkaitan emosi dan masalah kerana takut dipandang serong dan negatif. Stigma budaya juga menyatakan bahawa mereka yang mendapatkan bantuan kaunseling dan mengekspresikan perasaan mereka adalah golongan yang mempunyai masalah kesakitan mental dan menyebabkan perkhidmatan kaunseling tidak lagi menjadi keutamaan dalam aspek bantuan psikologi. Namun begitu

kurang ditemui kajian keberkesanan berkaitan penggunaan teknologi sebegini dalam menyebarkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling.

Namun kajian lepas membuktikan bahawa penggunaan kaunseling secara online menunjukkan hasil yang baik (Engel et al., 2014). Barak et al. (2008) menyatakan bahawa penggunaan bentuk kaunseling sebegini mampu merawat masalah kemurungan dan kebimbangan dengan lebih efektif berbanding secara bersemuka. Bantuan teknologi ini mampu menyediakan perkhidmatan bantuan dan rujukan bahan-bahan yang dapat membantu masyarakat diluar sana mendapatkan perkhidmatan kaunseling tanpa perlu risau berkaitan '*judgemental*' pandangan masyarakat sekitar dan perasaan takut dinilai sebagai pesakit mental. (Mcadams et al., 2010). Ianya juga bersesuaian dengan penggunaan *gadjet* seperti telefon bimbit yang merupakan '*tools*' yang boleh menyelesaikan isu berkaitan klien yang memerlukan perkhidmatan kaunseling tanpa perlu mengambil kira faktor jarak dan masa kerana mudah di '*access*' pada bila-bila masa dan dimana sahaja (Lee, 2014). Walaupun pelbagai kesan positif diperolehi dari kajian lepas namun di Malaysia masih kurang kajian berkaitan Laman Web berkaitan kaunseling kerana bidang ini dikatakan '*embargo*' dalam setiap perkhidmatan dalam bidang kaunseling.


Sering dilihat teknologi hanya digunakan dalam bidang tertentu sahaja terutama dalam bidang sains dan teknologi. Kekekapan penggunaan teknologi ini juga hanya kepada golongan tertentu yang melibatkan pengkhususan kerja yang lebih berfokuskan teknologi dan sains. Di Malaysia kaedah penyampaian dan penyebaran maklumat terutama dalam bidang psikologi dan kaunseling terhad dalam bentuk konvensional. Dalam erti kata lain, masih menggunakan gaya penyampaian berbentuk ceramah secara verbal dan visual, kaedah poster dan brosur juga berbentuk penulisan dan sebagainya. Dengan kepesatan ilmu baharu dan terapi yang berfokuskan kepada kesejahteraan fizikal dan mental klien, maka wajar jika di bina sesuatu bentuk kaedah atau halaman layar yang lebih berinfomatif dan kepelbagaian ini menarik minat pelbagai kelompok mendapatkan ilmu psikologi dan kaunseling secara profesional. Oleh demikian, kajian berkaitan laman web dan keperluannya perlu di pertingkatkan kerana ia akan mengubah persepsi baharu dalam dunia kaunseling.

Kaunselor juga perlu mendapatkan pelbagai sumber maklumat berkaitan teori, terapi dan rujukan bahan ceramah atau program yang disarankan oleh profesional kaunselor. Di Malaysia masih kurang kajian berkaitan isu yang melibatkan kepakaran dan keupayaan kaunselor dalam mencari bahan mengikut penyesuaian program dan aktiviti. Kajian berkaitan kebolehan kaunselor dalam mengupayakan potensi diri klien melalui pendekatan yang berbeza-beza juga masih kurang diberikan tumpuan. Berbanding kajian yang dilakukan diluar negara isu sebegini sudah lama diperdebatkan dalam menjadikan profesion kaunselor semakin dipercayai dan dijadikan rujukan utama berkaitan psikologi dan kaunseling. Pengkaji merasakan peluang yang berkembang dalam bidang AI dan Revolusi 4.0 ini menjadikan perkembangan dunia kaunseling menjadi semakin mudah dan pantas di '*access*' dari seluruh pelosok dunia. Sepertimana kajian oleh Albada et al.(2011) yang menjalankan pra ujian penilaian dengan membina '*Laman Web E-Info Gene*' yang mana kaunselor telah menyediakan soalan yang dijana oleh sistem komputer bagi mengendalikan proses bantuan e-kaunseling bagi keluarga pesakit kanser.


Pembinaan Laman Web Kaunseling Madani

Idea pembinaan Laman Web kaunseling madani tercetus oleh lima orang Kaunselor Pendidikan Negeri dan Kaunselor Pendidikan Daerah juga seorang Guru Bimbingan dan Kaunseling yang melihat prospek penggunaan yang meluas dalam penyebaran maklumat perlu dilaksanakan segera. Namun bagi memastikan keperluan ini sangat relevan dengan cabaran dunia pendidikan kini, maka kajian keperluan telah dijalankan bagi memastikan pembinaan Laman Web ini akan memberi manfaat kepada perkhidmatan psikologi dan kaunseling di semua seting pendidikan dan komuniti.


Pengisian Laman Web kaunseling juga diasaskan berdasarkan kepada temubual pengalaman kaunselor pendidikan semasa menjalankan kerja lapangan bersama klien dan Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Dalam laman web ini terdiri dari Halaman Utama, Halaman Terapi, Psiko Pendidikan, Teori *Motivational interviewing* dan *Cognitive behaviour therapy* (Man et al., 2023), video-video motivasi sebagai bahan rujukan guru dan Terapi '*Finger prints personality*' yang sesuai dilaksanakan bagi mengenalpasti personaliti dan potensi individu.



Gambarajah 1.1 : Halaman Utama Laman Web Kaunseling Madani



Gambarajah 1.2: Halaman Berkaitan Kaunselor dan Perkhidmatan 'Online' Sesi Kaunseling



Gambarajah 1.3 : Halaman Psikopendidikan Kaunseling Madani



Gambarajah 1.4 : Halaman Teori Motivational Interviewing- Cognitive Behaviour Therapy Kaunseling Madani

Kaedah Kajian

Kajian ini adalah kajian berbentuk kuantitatif. Data diperoleh daripada tinjauan soal selidik dengan guru dipilih sebagai responden kajian bagi menentukan keperluan modul kaedah PBC kepada murid tingkatan 4.

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan mengumpul data melalui pengisian SPSS edisi 26. Pengkaji juga menjalankan temubual kepada tiga orang Guru Bimbingan dan Kaunseling yang berpengalaman bagi mendapatkan gambaran yang jelas berkaitan isu pembinaan laman web kaunseling ini. Kaedah analisis dokumen juga dapat menjawab objektif kajian berkaitan penggunaan dan keperluan pembinaan laman web. Dokumen yang dikenal pasti seperti buku, jurnal, kertas prosiding, bahan rujukan elektronik, tesis dan laporan kajian telah digunakan bagi mendapatkan sumber maklumat berkaitan pembinaan laman web ini.


Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian keperluan ialah terdiri daripada Guru, Guru Bimbingan dan Kaunseling dan Anggota Pelaksana yang berkhidmat di sekolah. Kajian ini juga hanya melibatkan penjawat awam yang bertugas di Negeri Selangor sahaja. Seramai 44 orang sampel kajian telah menjawab soal selidik secara 'online'.

Analisis Keperluan

Secara umumnya, Mckillip (1987) mentakrifkan analisis keperluan sebagai proses penilaian yang sistematik dalam menyediakan maklumat yang berguna tentang keperluan populasi sasaran. Dalam menjalankan analisis keperluan oleh pihak-pihak berkepentingan boleh dilakukan secara formal atau tidak formal yang bertujuan terhadap sesuatu program (Zainuddin, 2008). Rossett (1995) mendefiniskan analisis keperluan sebagai proses yang melibatkan empat aktiviti (a). rekabentuk (b). pembinaan (c). penggunaan dan (d). penilaian. Soal selidik juga dibina berdasarkan tinjauan lepas terhadap keperluan pembinaan modul

kaunseling yang melibatkan murid bertingkah laku langsung. Seramai 44 guru yang sudi terlibat dan menjawab secara online. *Goggle form* diberikan setelah mendapatkan persetujuan guru-guru yang berpengalaman di seluruh negeri Selangor. Guru-guru ini juga telah diberikan sedikit penerangan melalui online sebelum menjawab soal selidik tersebut. Terdapat empat bahagian utama dalam soal selidik analisis keperluan iaitu demografi responden, keperluan guru terhadap pembinaan Laman Web Kaunseling Madani, reka bentuk Laman Web Kaunseling Madani dan pengisian dan cadangan terhadap pembinaan Laman Web Kaunseling Madani ini. Guru perlu menjawab secara jujur untuk menunjukkan keperluan sebenar guru terhadap pembangunan produk ini. Jadual dan Jadual menyenaraikan dapatan analisis keperluan. SPSS Versi 26 telah digunakan bagi menjalankan analisis keperluan ini dan melihat kadar peratusan tahap persetujuan terhadap pembinaan Laman Web Kaunseling Madani. Cadangan bertulis dan secara dokumen juga telah diberikan oleh responden dalam bentuk penulisan. Selain itu analisis data telah dilaksanakan mengikut fasa analisis keperluan seperti Rajah 1.



Rajah 1 Aktiviti Dalam Analisis Keperluan

Sumber: Rossett (1995)

Hasil Dapatan



Gambar rajah 1.5. Item 1

Berdasarkan Gambarajah 1.5, majoriti responden (68.2%) pernah melayari laman web berkaitan kaunseling dan psikologi, menunjukkan minat yang tinggi terhadap sumber dalam talian untuk maklumat ini. Sebaliknya, 31.8% responden yang tidak pernah melayari Laman Web Madani ini mungkin kurang kesedaran atau akses kepada sumber dalam talian berkaitan kaunseling dan psikologi. Ini menunjukkan potensi untuk meningkatkan kesedaran dan

mempromosikan penggunaan Laman Web Madani tersebut di kalangan kumpulan yang belum pernah melayarinya.



Gambarajah 1.6. Item 2


Gambarajah 1.6 menunjukkan hampir semua responden (97.7%) mendapati Laman Web Kaunseling Madani memudahkan urusan mereka mendapatkan informasi. Ini menunjukkan bahawa laman web tersebut sangat efektif dalam menyediakan maklumat yang diperlukan oleh pengguna. Namun, perhatian perlu diberikan kepada 2.3% yang tidak bersetuju. Mungkin terdapat aspek tertentu pada laman web yang boleh diperbaiki.



Gambarajah 1.7.Item 3

Gambarajah 1.7 menunjukkan sebilangan besar responden (93.2%) mendapati kandungan laman web menarik dan interaktif, menunjukkan keberkesanan dalam penyampaian maklumat. Bagaimanapun, terdapat 6.8% yang tidak berasa demikian. Ini mungkin kerana perbezaan dalam preferensi pengguna atau keperluan yang tidak dipenuhi sepenuhnya oleh laman web.


Adakah kaedah penyampaian menggunakan Website lebih cepat, ringkas dan mudah berbanding bentuk konvensional (MANUAL)



Gambarajah 1.8.Item 4

Gambarajah 1.8 menunjukkan majoriti responden (90.9%) bersetuju bahawa kaedah penyampaian melalui laman web lebih cepat, ringkas, dan mudah berbanding cara konvensional. Ini menunjukkan kelebihan utama laman web dalam mempercepat dan mempermudah akses kepada maklumat. Namun, 9.1% yang tidak bersetuju mungkin menghadapi masalah teknikal atau mempunyai keutamaan terhadap kaedah konvensional. Kajian lanjut mungkin diperlukan untuk memahami masalah ini dengan lebih mendalam.

Adakah anda akan terus menggunakan Website Kaunseling Madani sebagai rujukan dan panduan yang profesional



Gambarajah 1.9.Item 5

Gambarajah 1.9 menunjukkan sebilangan besar responden (95.5%) akan terus menggunakan Laman web Kaunseling Madani sebagai rujukan, menunjukkan kepercayaan tinggi terhadap sumber ini. Walau bagaimanapun, 4.5% yang tidak akan terus menggunakan laman web tersebut mungkin mempunyai alasan khusus yang perlu ditangani, seperti isu kebolehpercayaan atau keperluan maklumat yang tidak dipenuhi.

Implikasi Kajian

Pembangunan laman web kaunseling madani akan memberikan kesan terhadap perkembangan ilmu psikologi dan kaunseling. Guru Bimbingan Kaunseling terutamanya mampu menjadikan pengisian dan perkembangan tersebut sebagai salah satu mekanisme dalam meningkatkan kemampuan, kebolehan dan keupayaan dalam menyebarkan bidang kaunseling kepada murid. Keadaan kesejahteraan mental yang sangat memuncak dengan pelbagai bentuk program yang

tidak mampan menjadikan guru-guru tidak mampu menyalurkan bantuan sebaik mungkin. Kaunseling secara online juga dilihat sebagai suatu paradigma baharu dalam menterjemahkan perkhidmatan kaunseling ke arah prospek yang lebih luas. Satu kajian yang telah dilaksanakan di Bandar Seoul, Daejeon, Gwangju dan Deagu pada September 2000 terhadap 1262 murid sekolah menengah menyatakan bahawa mereka mudah mendapatkan kandungan berkaitan kaunseling nurtisi pemakanan dengan hanya melayari laman web. Kaunseling yang dilaksanakan secara online adalah berkaitan 'diet' terancang, diet untuk perkembangan remaja dan kesihatan gigi dan diet. Mereka berpuas hati dengan perkhidmatan seperti penyebaran maklumat melalui laman web dan sesi kaunseling online yang telah ditawarkan bagi menangani isu pemakanan dalam kalangan remaja sekolah (Lee,2002).Kajian ini telah menjawab objektif keperluan iaitu pembinaan laman web kaunseling sememangnya menjadi keperluan dalam meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam bidang psikologi dan kaunseling. Selain itu pelbagai isu dapat diatasi seperti lambakan kes yang tidak mampu ditangani secara bersemuka sahaja bahkan dunia digital dapat membantu mempercepatkan proses dalam mendapatkan perkhidmatan kaunseling yang sebaiknya. Implikasi yang sangat jelas iaitu bidang kaunseling juga mengambil kesempatan dalam dunia pendigitalan dan ruang yang lebih terbuka dalam memastikan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dapat disalurkan selari dengan peredaran masa. Masalah utama yang dapat diatasi dengan pembinaan laman web kaunseling ini dapat menyebarkan sebanyak mungkin informasi dengan mendapatkan rujukan pakar yang tepat. Segala bentuk kemahiran dan pengetahuan yang berlandaskan kepada bimbingan yang betul akan menjadikan pengguna dapat menangani isu berkaitan psikologi dengan lebih cepat, tepat dan jelas.

Rumusan

Kesimpulannya, data menunjukkan bahawa majoriti besar responden berpuas hati dengan penggunaan dan kandungan Laman Web Kaunseling Madani, menunjukkan keberkesanan dan keupayaan laman web tersebut dalam menyediakan maklumat yang diperlukan. Melalui analisis keperluan tersebut, kesemua responden merasakan bahawa pembinaan laman web kaunseling Madani akan memberikan kesan yang sangat baik dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih mudah, cepat, ringkas dan tanpa perlu melalui apa-apa prosedur yang melelahkan. Kajian oleh Zack (2011) menyatakan bahawa kaunselor perlu jelas mengenai konsep '*tools of the trade*' yang mana teknologi akan memudahkan tugas kaunseling dan menyumbang kepada perkhidmatan yang lebih cemerlang dan berkesan. Bagi penambahbaikan, dicadangkan laman web dapat meningkatkan kesedaran dan promosi laman web untuk kumpulan yang belum pernah melayarinya. Mengkaji dan memperbaiki aspek tertentu pada laman web berdasarkan maklum balas minoriti yang tidak berpuas hati. Melakukan kajian lanjut untuk memahami keperluan dan cabaran pengguna yang masih mempunyai preferensi terhadap kaedah konvensional atau tidak berpuas hati dengan laman web.

Penghargaan

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T dan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Prof Dr.Mohammad Aziz Shah bin Mohamed Arip dan Prof Dr.Ahmad Jazimin bin Jusoh selaku penyelia pertama dan kedua yang banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, pandangan dan dorongan tanpa jemu kepada saya dalam proses menyiapkan artikel ini.Begitu juga dengan panel penulis dan Pasukan Inovasi Sektor Psikologi dan Kaunseling Jabatan Pendidikan Negeri Selangor yang banyak menyumbang idea, tenaga dan juga kewangan bagi menjayakan penulisan ini.

Rujukan

- Albada, A., Ausems, M. G., Otten, R., Bensing, J. M., & van Dulmen, S. (2011). Use and evaluation of an individually tailored laman web for counselees prior to breast cancer genetic counseling. *Journal of Cancer Education*, 26, 670-681.
- Akbar, G., & Tjendrowaseno, T. I. (2015). Laman web profil sekolah sebagai media informasi dan promosi. *IJNS - Indonesian Journal on Networking and Security*. <https://ijns.org/journal/index.php/ijns/article/view/1316>
- Anoi, N. Z., & Bakar, A. Y. A. (2019). Persepsi guru terhadap keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah rendah luar bandar. *International Journal of Education*, 4(31), 277-283.
- Barak, A., Hen, L., Boniel-Nissim, M., & Shapira, N. (2008). A comprehensive review and a meta-analysis of the effectiveness of internet-based psychotherapeutic interventions. *Journal of Technology in Human Services*, 26, 109-60.
- Cahya, F., Wati, T., & Krisnanik, E. (2021). Perancangan sistem informasi pengolahan data akademik pada pendidikan anak usia dini berbasis laman web. *Journal of Applied Computer Science and Technology*, 2(1), 49-58.
- Diantama, S. (2024). Pemanfaatan Artificial Intelligence (AI) dalam dunia pendidikan. *Dewantech Jurnal Teknologi Pendidikan*, 2(1), 11-17.
- Engel, J. D., Engel, V. J. L., & Mailoa, E. (2018). Innovative model for logo counseling laman web. *TELKOMNIKA (Telecommunication Computing Electronics and Control)*, 16(5), 2111-2117.
- Eremie, M. D., & Dimkpa, C. A. (2019). Senior public school principals' perception of guidance and counselling services in Rivers State. *International Journal of Innovative Social & Science Education Research*, 7(1), 71-79.
- Glasheen, K. J., & Campbell, M. A. (2009). The use of online counselling within an Australian secondary school setting: A practitioner's viewpoint. *Counseling Psychology Review*, 24, 42-51.
- Izzah, N. (2020). Pelatihan membuat dan mengelola laman web sekolah. *Jurnal Abdimas Bina Bangsa*, 1(2), 247-256.
- Lee, U., Song, J., Lee, J., Ko, M., Lee, C., Kim, Y., et al. (2014). Hooked on smartphones: An exploratory study on smartphone overuse among college students. *Proceedings of the 32nd Annual ACM Conference on Human Factors in Computing Systems - CHI '14*, 2327-36.
- Lee, J. W., Seo, J. S., Kim, K. E., & Ly, S. Y. (2002). A needs assessment to develop website contents on nutritional information and counseling for teenagers. *Korean Journal of Community Nutrition*, 664-674.
- Leong, F. T. L., Kim, H. H. W., & Gupta, A. (2011). Attitudes toward professional counseling among Asian-American college students: Acculturation, conceptions of mental illness, and loss of face. *Asian American Journal of Psychology*, 2, 140-53.
- Nurmi, N. (2017). Membangun laman web sistem informasi dinas pariwisata. *Edik Informatika*, 1(2), 1-6. <https://doi.org/10.22202/jei.2015.v1i2.1418>
- Man, E., Arip, M. A. S. M., Jusoh, A. J., & Hassan, N. A. (2023). Development of an intervention counseling module in addressing the issue of violent behavior among secondary school students: Pembangunan modul kaunseling intervensi dalam menangani isu tingkahlaku lang sang dalam kalangan murid sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 24-41.
- McAdams III, C. R., & Wyatt, K. L. (2010). The regulation of technology-assisted distance counseling and supervision in the United States: An analysis of current extent, trends, and implications. *Counselor Education and Supervision*, 49, 179-92.

- McKillip, J. (1987). *Needs analysis: Tools for the human services and education*. Sage.
- Rossett, A. (1995). *Need analysis*. Education Technology Publications.
- Seidel, E. J., Mohlman, J., Basch, C. H., Fera, J., Cosgrove, A., & Ethan, D. (2020). Communicating mental health support to college students during COVID-19: An exploration of laman web messaging. *Journal of Community Health*.
- Zack, J. S. (2011). The technology of online counseling. In *Online counseling* (pp. 67-84). Academic Press.